



Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijile/index>
ISSN: 3030-5268



Amalan Kepimpinan Guru Pemulihan dan Penguasaan Kemahiran Asas 3M dalam Bahasa Melayu dan Matematik Murid Pemulihan Tahun Dua di Negeri Kelantan

Remedial Teacher Leadership Practices and Mastery of 3M Basic Skills in Malay Language and Mathematics of Year Two Remedial Students in Kelantan

Mohd Abd Malik Abdullah^{1,*}, Rozliza Zaharudin¹

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 9 January 2026

Received in revised form 26 February 2026

Accepted 28 March 2026

Available online 20 May 2026

ABSTRACT

Penguasaan rendah kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dalam kalangan murid pemulihan khas sekolah rendah kekal menjadi isu besar dalam pendidikan Malaysia. Walaupun program pemulihan telah dilaksanakan selama beberapa dekad, ramai murid masih bergelut untuk mencapai tahap literasi dan numerasi yang sepatutnya. Kajian ini bertujuan meneliti tahap penguasaan 3M murid Pemulihan Khas Tahun Dua di Kelantan, tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas, perbezaan kepimpinan berdasarkan faktor demografi, dan hubungan antara kepimpinan guru dan pencapaian 3M murid. Kajian tinjauan keratan lintang kuantitatif ini melibatkan 252 orang guru Pemulihan Khas. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ujian-t bebas, dan korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan prestasi 3M murid berada pada tahap sederhana bagi membaca ($M = 3.38$), menulis ($M = 3.45$) dan mengira ($M = 3.50$). Kepimpinan guru berada pada tahap tinggi ($M = 4.20$) merangkumi tujuh dimensi, dengan kesedaran sendiri serta pengurusan sendiri mencatatkan skor tertinggi. Tiada perbezaan ketara berdasarkan demografi guru. Analisis Pearson menunjukkan korelasi positif yang kecil tetapi signifikan antara kepimpinan guru dengan pencapaian membaca, menulis dan mengira murid. Dapatan menegaskan keperluan memperkukuh kompetensi kepimpinan dalam kalangan guru Pemulihan Khas bagi meningkatkan penguasaan asas 3M murid.

The low mastery of the basic 3M skills of reading, writing and arithmetic among special remedial primary school students remains a major issue in Malaysian education. Despite the remedial programs that have been implemented for decades, many students still struggle to achieve the appropriate level of literacy and numeracy. This study aimed to examine the level of mastery of the 3M of Year Two Special Remedial students in Kelantan, the level of leadership of Special Remedial teachers, leadership differences based on demographic factors, and the relationship between teacher leadership and students' 3M achievement. This quantitative cross-sectional survey

* Corresponding author.

E-mail address: cikgumalik@gmail.com

study involved 252 Special Remedial teachers. Data were analyzed using descriptive statistics, independent t-tests, and Pearson correlation. Findings showed that the performance of the 3M students was at a moderate level in reading ($M = 3.38$), writing ($M = 3.45$) and arithmetic ($M = 3.50$). Teacher leadership was at a high level ($M = 4.20$) covering seven dimensions, with self-awareness and self-management recording the highest scores. There were no significant differences based on teacher demographics. Pearson analysis showed a small but significant positive correlation between teacher leadership and students' reading, writing and arithmetic achievement. The findings emphasize the need to strengthen leadership competencies among Special Rehabilitation teachers to improve students' mastery of the basic 3Ms.

Keywords:

Pendidikan pemulihan; kepemimpinan guru; membaca; menulis; mengira

Remedial education; teacher leadership; reading; writing; arithmetic

1. Introduction

Penguasaan asas membaca, menulis dan mengira (3M) merupakan teras penting pada peringkat awal persekolahan kerana menjadi landasan kepada perkembangan kognitif dan akademik murid. Walau bagaimanapun, data nasional secara konsisten menunjukkan cabaran berterusan dalam literasi dan numerasi murid. Sebagai contoh, lebih 80,000 murid dilaporkan gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis [7], manakala sebahagian besar terus berisiko mengalami defisit akademik akibat kelemahan literasi awal.

Situasi ini lebih kritikal dalam kalangan murid Pemulihan Khas yang memerlukan intervensi bersasar. Di Malaysia, pelbagai inisiatif seperti KBSR, LINUS dan KSSR telah diperkenalkan bagi menangani jurang literasi dan numerasi. Namun, laporan terkini menunjukkan murid Tahun Satu dan Tahun Dua masih menghadapi kesukaran mengenal huruf, membunyikan suku kata, membaca ayat dan memahami petikan. Cabaran yang sama turut wujud dalam numerasi, apabila murid sukar menguasai konsep nombor asas dan operasi mudah. Hal ini sejajar dengan kedudukan Malaysia dalam TIMSS dan PISA yang berada di bawah purata antarabangsa.

Dalam masa yang sama, literatur menunjukkan bahawa kepimpinan guru yang merangkumi kesedaran sendiri, kompetensi instruksional, komunikasi, keupayaan berkolaborasi dan inisiatif penambahbaikan bagi mempengaruhi pencapaian pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang menghubungkan kepimpinan guru pemulihan dengan penguasaan 3M murid pemulihan masih terhad, mewujudkan jurang metodologi dan konteks.

2. Objektif dan Persoalan Kajian

2.1 Objektif Kajian

Terdapat lima objektif utama dalam kajian ini. Setiap objektif utama dipecahkan pula kepada objektif-objektif yang lebih khusus supaya ia dapat dicapai secara menyeluruh.

- i. Menganalisis tahap pencapaian asas 3M murid Pemulihan Khas Tahun Dua di negeri Kelantan berdasarkan penilaian guru Pemulihan Khas?
- ii. Menilai tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas di negeri Kelantan berdasarkan amalan kepimpinan?
- iii. Membandingkan perbezaan tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas berdasarkan faktor demografi guru?
- iv. Menentukan perbezaan tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas antara sekolah di kawasan bandar dan luar bandar?
- v. Menganalisis hubungan antara tahap pencapaian asas 3M murid Pemulihan Khas Tahun Dua dengan tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas di negeri Kelantan?

2.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian terdapat lima yang utama dan dipecahkan kepada persoalan-persoalan yang lebih terperinci.

- i. Apakah tahap pencapaian asas 3M murid Pemulihan Khas Tahun Dua di negeri Kelantan?
- ii. Apakah tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas di negeri Kelantan?
- iii. Perbezaan tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas berdasarkan faktor demografi guru?
- iv. Perbezaan tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas antara sekolah bandar dan luar bandar?
- v. Hubungan antara tahap pencapaian asas 3M murid Pemulihan Khas Tahun Dua dengan tahap kepimpinan guru Pemulihan Khas?

3. Sumbangan Kajian

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting kepada perkembangan teori, amalan profesional dan dasar pendidikan, khususnya dalam konteks pengajaran pemulihan di sekolah rendah.

3.1 Sumbangan kepada Teori

Dari sudut teori, kajian ini memperkayakan pemahaman tentang **manifestasi tingkah laku kepimpinan guru** dalam konteks program Pemulihan Khas. Penemuan bahawa guru menunjukkan tahap kepimpinan yang tinggi terutama dalam aspek kesedaran sendiri dan pengurusan sendiri menyokong kerangka kepimpinan berasaskan kecerdasan emosi sebagaimana dikemukakan oleh Goleman [5]. Kajian ini juga memperluas aplikasi teori kepimpinan instruksional ke dalam ruang intervensi pemulihan, iaitu konteks yang kurang diberi perhatian dalam literatur terdahulu [6,9]. Dengan itu, kajian ini membantu membina asas teori yang lebih kukuh tentang bagaimana kepimpinan di peringkat bilik darjah mempengaruhi penguasaan literasi dan numerasi murid berkeperluan pemulihan.

3.2 Sumbangan kepada Amalan

Dalam aspek amalan, kajian ini mengenal pasti **atribut kepimpinan guru** yang berpotensi meningkatkan penguasaan kemahiran 3M dalam kalangan murid pemulihan. Hubungan positif walaupun sederhana antara kepimpinan guru dan prestasi 3M menunjukkan bahawa tingkah laku kepimpinan seperti bimbingan pedagogi, komunikasi yang jelas, dan sokongan emosi mampu mencetuskan peningkatan hasil pembelajaran [4,15]. Penemuan ini penting untuk guru pemulihan kerana ia menekankan bahawa keberkesanan PdP bukan sahaja bergantung pada strategi pengajaran khusus, tetapi juga pada keupayaan guru memimpin, memotivasikan dan membina hubungan positif dengan murid. Selain itu, hasil kajian ini memberikan panduan kepada guru untuk mengamalkan pendekatan berbeza dan multisensori dalam intervensi 3M selaras dengan saranan Snow [16] terutamanya dalam menangani murid berisiko rendah literasi dan numerasi.

3.3 Sumbangan kepada Dasar

Dari perspektif dasar pendidikan, dapatan kajian ini memberikan maklumat bernilai kepada kementerian dan pembuat dasar dalam memperkukuh program Pemulihan Khas. Penemuan bahawa guru masih memerlukan latihan khusus dalam intervensi kefahaman bacaan dan numerasi selari dengan penegasan laporan nasional serta garis panduan literasi antarabangsa [2,17]. Kajian ini menyarankan bahawa kursus pembangunan profesional yang lebih terarah dan berasaskan amalan sebenar perlu dijadikan komponen wajib untuk guru pemulihan.

Selain itu, bukti hubungan signifikan antara kepimpinan guru dan prestasi murid memberi asas untuk memperkukuh **dasar peningkatan kompetensi guru** sebagai strategi utama meningkatkan literasi dan numerasi peringkat awal. Ini selaras dengan agenda reformasi pendidikan global yang menekankan peranan guru sebagai pemimpin pembelajaran [11,18].

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan jelas terhadap pemahaman akademik, peningkatan profesionalisme guru dan usaha transformasi pendidikan khusus dalam konteks Pemulihan Khas.

4. Sorotan Literatur dan Pembentukan Hipotesis

4.1 Literasi dan Pencapaian Membaca Serta Menulis

Literatur menunjukkan cabaran literasi yang berterusan dalam kalangan murid Malaysia, termasuk peratusan besar murid yang sukar mengenal huruf, mengeja suku kata dan memahami teks. Kajian antarabangsa turut menunjukkan kegagalan membaca awal boleh meramalkan risiko akademik jangka panjang [3,10]. Oleh itu, peningkatan prestasi membaca dan menulis merupakan asas utama dalam program pemulihan.

Numerasi dan Kemahiran Mengira

Numerasi lemah dikaitkan dengan pendedahan awal yang tidak mencukupi, strategi PdP yang kurang sesuai dan kesukaran pemprosesan kognitif. Murid Malaysia secara konsisten menunjukkan prestasi rendah dalam TIMSS dan PISA, dan murid pemulihan memerlukan sokongan intensif dalam konsep asas matematik.


4.2 Guru dan Murid Pemulihan Khas

Murid pemulihan memerlukan pengajaran yang dibezakan, strategi multisensori dan hubungan guru dengan murid yang menyokong. Kreativiti guru, penggunaan teknologi dan kemahiran mendiagnosis kesukaran murid memberi kesan besar kepada kemajuan pembelajaran.

Kepimpinan Guru

Kepimpinan guru merangkumi kesedaran sendiri, komunikasi, kemahiran instruksional, kerjasama, penerimaan kepelbagaian dan penambahbaikan berterusan. Kajian antarabangsa menunjukkan hubungan positif antara kepimpinan guru dan pencapaian murid.

5. Kerangka Teori



Rajah 1. Kerangka konsep pencapaian 3M murid pemulihan khas tahun dua dengan kepimpinan guru pemulihan khas di Negeri Kelantan

Kerangka teori ini mengintegrasikan **Kepimpinan Guru Pemulihan Khas, Model Literasi dan Numerasi Awal**, serta **Pencapaian 3M murid pemulihan khas**. Kerangka ini berasaskan andaian bahawa kepimpinan guru yang berkesan akan **memandu pelaksanaan literasi dan numerasi awal**, seterusnya **menyokong penguasaan kemahiran asas 3M** dalam kalangan murid pemulihan khas.

Kepimpinan guru pemulihan khas dalam kerangka ini dirujuk berdasarkan **Model Kepimpinan Guru** yang menekankan peranan guru sebagai pemimpin instruksional dan agen perubahan. Tujuh dimensi kepimpinan yang dikenal pasti iaitu **kesedaran sendiri, perubahan positif dan persekitaran positif, komunikasi terbuka, kepelbagaian, kepakaran pengajaran, penambahbaikan berterusan dan organisasi sendiri** mencerminkan keupayaan guru mengurus pembelajaran murid berkeperluan khas secara sistematik dan reflektif.

Guru pemulihan khas yang memiliki kesedaran sendiri dan kepakaran pedagogi yang tinggi berupaya menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut tahap kebolehan murid, manakala komunikasi terbuka dan persekitaran positif menyokong perkembangan emosi serta motivasi murid pemulihan khas. Dalam kerangka ini, kepimpinan guru pemulihan khas berfungsi sebagai faktor yang **memandu pelaksanaan Model Literasi Awal dan Teori Literasi Awal**. Model ini merangkumi komponen **kesedaran fonologi, pengenalan huruf dan perkataan, membaca awal dan kefahaman, menulis awal serta numerasi awal**, yang merupakan asas kepada penguasaan kemahiran akademik murid.

Literasi awal berkembang melalui pengajaran eksplisit, interaksi bermakna dan persekitaran pembelajaran yang dirancang dengan baik. Kepimpinan guru yang berkesan membolehkan guru pemulihan khas merancang intervensi yang sesuai, memantau kemajuan murid serta melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam pengajaran literasi dan numerasi awal [6].

Model literasi dan numerasi awal dalam kerangka ini bertindak sebagai **pembolehubah perantara** yang menyokong penguasaan kemahiran 3M. Kesedaran fonologi dan pengenalan huruf menyokong kemahiran membaca, kemahiran menulis awal mengukuhkan keupayaan mengekspresikan idea, manakala numerasi awal membantu murid memahami konsep asas matematik [17]. Bagi murid pemulihan khas, penguasaan awal dalam literasi dan numerasi adalah kritikal kerana kelewatan dalam kemahiran asas ini boleh menjejaskan perkembangan akademik jangka panjang

Pencapaian 3M (membaca, menulis dan mengira) merupakan hasil akhir dalam kerangka teori ini. Kejayaan murid pemulihan khas dalam menguasai 3M bergantung kepada kualiti kepimpinan guru serta keberkesanan pelaksanaan literasi dan numerasi awal.

Oleh itu, kerangka teori ini mengandaikan bahawa **kepimpinan guru pemulihan khas yang tinggi merentas tujuh dimensi akan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan literasi dan numerasi awal**, seterusnya **menyokong peningkatan pencapaian 3M murid pemulihan khas di sekolah rendah**.

6. Hipotesis Kajian

H⁰¹: Terdapat hubungan signifikan antara pencapaian membaca dan kepimpinan guru.

H⁰²: Terdapat hubungan signifikan antara pencapaian menulis dan kepimpinan guru.

H⁰³: Terdapat hubungan signifikan antara pencapaian mengira dan kepimpinan guru.

7. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan **reka bentuk tinjauan kuantitatif secara keratan lintang** (*cross-sectional*). Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data dilakukan pada satu titik masa tertentu untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah tanpa mempengaruhi persekitaran atau tingkah laku responden. Pendekatan keratan lintang juga sesuai digunakan bagi meneliti persepsi, amalan atau tahap pencapaian dalam kalangan populasi yang besar secara efisien dan sistematik. Melalui reka bentuk ini, penyelidik dapat membuat gambaran umum mengenai tahap pencapaian 3M murid serta kepimpinan guru Pemulihan Khas berdasarkan pola data yang diperoleh.

7.1 Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada semua guru Pemulihan Khas yang bertugas di negeri Kelantan. Sampel kajian melibatkan **seramai 252 orang guru Pemulihan Khas**, yang dipilih menggunakan kaedah persampelan yang sesuai dengan akses data melalui Pejabat Pendidikan Daerah. Saiz sampel ini dianggap mencukupi untuk analisis statistik parametrik kerana ia melebihi batas minimum yang dicadangkan dalam kajian-kajian pendidikan bagi memastikan keputusan yang stabil dan meyakinkan. Kesemua responden memenuhi kriteria inklusif iaitu guru yang sedang mengajar kelas Pemulihan Khas dan bersedia memberikan maklum balas terhadap soal selidik kajian.

7.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini terdiri daripada dua bahagian utama. Bahagian pertama ialah **Skala Pencapaian 3M**, yang merangkumi komponen membaca, menulis dan mengira. Penilaian bagi komponen ini dijalankan oleh guru kelas menggunakan indikator pencapaian murid yang telah distandardkan oleh pihak sekolah. Bahagian kedua ialah **Skala Kepimpinan Guru** yang merangkumi tujuh dimensi, iaitu kesedaran sendiri, perubahan positif, komunikasi, penerimaan kepelbagaian, kemahiran pengajaran, penambahbaikan berterusan, dan pengurusan sendiri.

Kesemua item dalam kedua-dua bahagian instrumen menggunakan **skala Likert lima mata** yang menunjukkan tahap persetujuan responden, bermula daripada 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju. Skala dipilih bagi membolehkan pengukuran persepsi dan tahap amalan guru dilakukan secara kuantitatif serta konsisten.

7.3 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum pelaksanaan kajian sebenar bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesesuaian instrumen. Seramai 102 responden yang mempunyai ciri populasi yang sama telah dipilih untuk menjawab instrumen tersebut. Hasil analisis reliabiliti menggunakan pekali Cronbach's Alpha menunjukkan bahawa semua konstruk melepasi nilai kebolehpercayaan yang diterima umum, iaitu $\alpha > .80$, menandakan tahap konsistensi dalaman instrumen adalah baik dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

7.4 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini dilaksanakan secara dalam talian menggunakan borang soal selidik digital. Instrumen diedarkan kepada guru-guru sekolah rendah melalui kerjasama **Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di negeri Kelantan**, yang bertindak sebagai penghubung antara penyelidik dan pihak sekolah. Responden dimaklumkan mengenai tujuan kajian dan diberi jaminan bahawa semua maklumat yang dikumpulkan adalah sulit serta digunakan untuk tujuan akademik semata-mata.

8. Analisis Data

Analisis data dilaksanakan menggunakan kaedah statistik parametrik. Statistik deskriptif seperti **min** dan **sisihan piawai (SP)** digunakan untuk menggambarkan tahap pencapaian 3M murid serta amalan kepimpinan guru. Bagi mengenal pasti perbezaan berdasarkan faktor demografi, **ujian-t sampel bebas** dan **ANOVA sehalu** digunakan bergantung kepada bilangan kumpulan pemboleh ubah. Seterusnya, **Korelasi Pearson** digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah pencapaian 3M dan dimensi kepimpinan guru.

8.1 Dapatan Kajian

8.1.1 Profil sampel

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden terdiri daripada guru berbangsa **Melayu (94.8%)** dan sebahagian besar mengajar di **kawasan luar bandar (61.1%)**. Maklumat lengkap mengenai profil sampel adalah dirujuk dalam fail dapatan penuh kajian. Seramai 252 orang Guru Pemulihan Khas (GPK) di Kelantan. Jadual 4.1 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut bangsa, di mana seramai 239 orang (94.8%) berbangsa Melayu, 7 orang (2.8%) berbangsa Cina dan 6 orang (6%) berbangsa Orang Asli.

Jadual 1
Analisis taburan sampel mengikut bangsa

Kaum	Bilangan (n)	Peratus (%)
1. Melayu	239	94.8
2. Cina	7	2.8
3. Orang Asli	6	2.4
Jumlah	252	100

8.1.2 Tahap pencapaian 3M

Prestasi tertinggi murid dicatatkan dalam kemahiran pengecaman huruf dan penguasaan konsep nombor, manakala prestasi terendah dikenal pasti dalam aspek pemahaman bacaan serta kemahiran menyelesaikan operasi melibatkan dua digit.

Jadual 2
Tahap pencapaian 3M

Konstruk	Min	Tahap
Membaca	3.38	Sederhana
Menulis	3.45	Sederhana
Mengira	3.50	Sederhana

8.1.3 Tahap kepimpinan guru pemulihan

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kepimpinan guru pemulihan secara keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan min skor $M = 4.20$. Dapatan ini mencerminkan bahawa guru pemulihan melaksanakan amalan kepimpinan instruksional dan interpersonal secara konsisten dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dua dimensi yang mencatatkan skor tertinggi ialah kesedaran sendiri dan pengurusan sendiri. Kesedaran sendiri merangkumi keupayaan guru untuk memahami kekuatan dan kelemahan diri, seterusnya menambah baik amalan profesional. Sementara itu, pengurusan sendiri merujuk kepada kebolehan guru mengawal emosi, mengurus masa serta mengekalkan motivasi dalam melaksanakan tugas. Dapatan ini selaras dengan pandangan Goleman [5] yang menekankan kepentingan kecerdasan emosi sebagai komponen penting kepimpinan berkesan dalam konteks pendidikan.

Sebaliknya, dimensi penerimaan kepelbagaian pandangan mencatatkan skor yang paling rendah. Ini menunjukkan bahawa walaupun guru menunjukkan tahap kepimpinan positif, terdapat ruang penambahbaikan dalam aspek keterbukaan terhadap perspektif alternatif, kerjasama profesional, dan amalan refleksi kolektif. Kekangan seperti beban tugas atau budaya kerja sekolah mungkin menjadi faktor yang mempengaruhi skor dimensi ini [13].

8.1.4 Perbezaan demografi

Analisis inferensi menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor demografi seperti umur, jantina, atau lokasi sekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa ciri-ciri kepimpinan guru pemulihan adalah konsisten merentas profil demografi.

Variasi kecil dilihat dari segi pengalaman mengajar dan kelayakan akademik, namun perbezaan tersebut tidak memberi kesan besar terhadap tahap kepimpinan secara keseluruhan. Penemuan ini menyokong kajian lepas yang menyatakan bahawa kepimpinan guru lebih dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti efikasi sendiri dan komitmen profesional, berbanding ciri demografi [1,6].

8.1.5 Hubungan antara kepemimpinan guru dan prestasi 3M

Jadual 3

Korelasi Pearson antara kepemimpinan guru pemulihan dan pencapaian murid dalam komponen 3M

Komponen 3M	Arah Hubungan	Kekuatan Hubungan	Signifikan
Membaca	Positif	Lemah	Signifikan
Menulis	Positif	Lemah	Signifikan
Mengira	Positif	Lemah	Signifikan

Analisis Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah tetapi signifikan antara kepemimpinan guru Pemulihan Khas dan pencapaian murid dalam ketiga-tiga komponen 3M. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepemimpinan guru mempunyai hubungan positif lemah dan signifikan dengan kemahiran membaca, hubungan positif lemah dan signifikan dengan kemahiran menulis, serta hubungan positif lemah dan signifikan dengan kemahiran mengira. Secara keseluruhan, keputusan ini mencadangkan bahawa peningkatan tahap kepemimpinan guru turut diikuti oleh peningkatan pencapaian murid dalam komponen membaca, menulis dan mengira, walaupun kekuatan hubungannya berada pada tahap yang lemah.

Keputusan ini mengisytiharkan bahawa kepemimpinan guru memberikan sumbangan positif, walaupun sederhana, terhadap prestasi murid pemulihan dalam literasi dan numerasi. Ini selari dengan dapatan Leithwood *et al.*, [9] yang menegaskan bahawa kepemimpinan guru, terutama dalam aspek bimbingan pedagogi dan hubungan interpersonal, berkaitan secara langsung dengan pembelajaran murid.

Walaupun kekuatan hubungan adalah kecil, ia tetap signifikan dalam konteks pemulihan 3M yang memerlukan intervensi intensif, sokongan emosi, dan strategi pengajaran yang berbeza daripada kelas arus perdana. Ini menunjukkan bahawa peningkatan amalan kepemimpinan guru berpotensi memperkukuh keberkesanan program pemulihan.

9. Perbincangan

Kajian menunjukkan murid Pemulihan Khas Tahun Dua di Kelantan masih berada pada tahap sederhana dalam penguasaan 3M. Walaupun dasar literasi dan numerasi telah lama dilaksanakan, murid masih bergelut dalam kemahiran lanjutan seperti pemahaman teks dan operasi matematik kompleks.

Kepimpinan guru yang tinggi menggambarkan kompetensi profesional dan keupayaan pengurusan sendiri yang mantap. Walau bagaimanapun, kepemimpinan sahaja tidak memadai tanpa sokongan sistemik seperti latihan khusus, bahan bantu mengajar dan saiz kelas yang lebih kecil. Hubungan positif yang kecil antara kepemimpinan dan pencapaian murid menyokong teori bahawa kepemimpinan mempengaruhi iklim bilik darjah, kualiti pengajaran dan penglibatan murid.

10. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) dalam kalangan murid Pemulihan Khas Tahun Dua di negeri Kelantan masih berada pada **tahap sederhana**, dengan kelemahan lebih ketara dalam aspek kefahaman bacaan dan operasi matematik yang melibatkan aras lebih tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pelbagai inisiatif pemulihan telah dilaksanakan, murid masih memerlukan sokongan pedagogi yang lebih sistematik dan bersasar bagi mengukuhkan literasi dan numerasi awal. Dari aspek kepemimpinan, guru

Pemulihan Khas menunjukkan **tahap kepemimpinan yang tinggi**, khususnya dalam dimensi kesedaran sendiri dan pengurusan sendiri. Hal ini menggambarkan tahap profesionalisme dan keupayaan reflektif guru yang baik dalam melaksanakan tanggungjawab pengajaran. Walau bagaimanapun, dimensi penerimaan kepelbagaian mencatat skor paling rendah, menunjukkan keperluan untuk memperkukuh budaya kolaborasi, keterbukaan terhadap pandangan rakan sejawat serta amalan reflektif secara kolektif. Analisis juga mendapati tiada perbezaan signifikan tahap kepemimpinan berdasarkan faktor demografi, menandakan bahawa kepemimpinan guru pemulihan adalah relatif konsisten merentas latar belakang guru. Selain itu, kajian mendapati terdapat **hubungan positif yang lemah tetapi signifikan** antara kepemimpinan guru dengan pencapaian membaca, menulis dan mengira murid. Ini menunjukkan bahawa peningkatan tahap kepemimpinan guru berpotensi menyumbang kepada peningkatan prestasi murid, walaupun kesannya bersifat sederhana. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa kepemimpinan guru berfungsi sebagai faktor sokongan penting yang mempengaruhi iklim bilik darjah, kualiti pengajaran dan penglibatan murid, namun keberkesanan pemulihan juga bergantung kepada faktor lain seperti strategi pengajaran khusus, intervensi berfokus, sumber pengajaran dan sokongan sistem sekolah. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa **kepemimpinan guru merupakan elemen penting tetapi bukan satu-satunya penentu kejayaan penguasaan 3M murid pemulihan**. Oleh itu, usaha meningkatkan keberkesanan program Pemulihan Khas perlu memberi penekanan kepada pengukuhan kepemimpinan instruksional guru secara berterusan, latihan profesional berfokus literasi dan numerasi, serta penyediaan sokongan sistemik yang lebih menyeluruh bagi memastikan peningkatan pencapaian murid secara mampan.

Rujukan

- [1] Bandura, Albert. *Self-efficacy: The exercise of control*. Macmillan, 1997.
- [2] Bahagian Pendidikan Khas. 2012. *Laporan Pendidikan Khas Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [3] Chall, Jeanne S. 1996. *Stages of Reading Development*. Edisi ke-2. New York: McGraw-Hill.
- [4] Fuchs, Douglas, and Lynn S. Fuchs. "Introduction to response to intervention: What, why, and how valid is it?" *Reading research quarterly* 41, no. 1 (2006): 93-99. <https://doi.org/10.1598/RRQ.41.1.4>
- [5] Goleman, Daniel. 2004. *Emotional Intelligence and Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- [6] Hallinger, Philip, and Ronald H. Heck. "Collaborative leadership and school improvement: Understanding the impact on school capacity and student learning." *School leadership and management* 30, no. 2 (2010): 95-110. <https://doi.org/10.1080/13632431003663214>
- [7] Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2006. *Putrajaya*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [8] Kline, Rex B. 2016. *Principles and Practice of Structural Equation Modeling*. Edisi ke-4. New York: Guilford Press.
- [9] Leithwood, Kenneth, Christopher Day, Pam Sammons, Alma Harris, dan David Hopkins. 2006. *Successful School Leadership: What It Is and How It Influences Pupil Learning*. London: Department for Education and Skills.
- [10] NAEP. 2022. *Reading Performance of U.S. Students*. Washington, DC: U.S. Department of Education.
- [11] OECD. 2023. *PISA 2022 Results*. Paris: OECD Publishing.
- [12] Podsakoff, Philip M., Scott B. MacKenzie, Jeong-Yeon Lee, and Nathan P. Podsakoff. "Common method biases in behavioral research: a critical review of the literature and recommended remedies." *Journal of applied psychology* 88, no. 5 (2003): 879. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.88.5.879>
- [13] Rahman, Nor Aini. 2019. "Kepimpinan Guru dalam Konteks Sekolah Rendah: Satu Tinjauan terhadap Amalan Profesional." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44 (1): 23-34.
- [14] Shadish, William R., Thomas D. Cook, dan Donald T. Campbell. 2002. *Experimental and Quasi-Experimental Designs for Generalized Causal Inference*. Boston: Houghton Mifflin.
- [15] Smyth, John. 1997. "Teacher Leadership: A Critical Perspective." *Teachers and Teaching* 3 (2): 203-219.
- [16] Snow, Catherine. 2020. "Multisensory Approaches in Reading Instruction." *Reading Research Quarterly* 55 (4): 779-795.
- [17] Snow, Catherine E., M. Susan Burns, dan Peg Griffin. 1998. *Preventing Reading Difficulties in Young Children*. Washington, DC: National Academy Press.
- [18] Voelkel, Robert, et al. 2024. "Collective Teacher Efficacy and Leadership Practices." *Educational Management Administration & Leadership* 52 (1): 112-130.

